

PROEDITING SOLUTION

SITI NORLIAYANA BINTI MARKUNI

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi
sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Sains (Keusahawanan Teknologi Maklumat)

Fakulti Sains Komputer Dan Sistem Maklumat
Universiti Teknologi Malaysia

MEI 2007

PENGHARGAAN



Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin serta limpah kurniaNya, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad dan seluruh umat Islam sekaliannya dapat saya menyiapkan Projek II Sarjana (MCU 1324) dengan sepenuhnya.

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada penyelia iaitu Dr. Ali Bin Selamat dan Tn. Hj Taib Bin Wahid di atas seliaan dan tunjuk ajar yang telah diberikan oleh beliau di sepanjang pembikinan projek ini. Ucapan jutaan terima kasih juga kepada Puan Hapizah binti Mohamad selaku Pegawai Penerbitan, Unit Editorial, Penerbit UTM, di atas sumbangan dan kerjasama yang telah diberikan.

Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih kepada pihak MARA dan UTM (FSKSM, FPPSM, BIP & SPS) atas bantuan diberikan. Tidak ketinggalan diucapkan jutaan terima kasih kepada keluarga Smart Networking Solution dan rakan-rakan SKIT serta sesiapa sahaja yang terlibat dalam penyediaan tugas ini secara langsung atau atau sebaliknya

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa di atas dorongan dan kasih sayang yang diberikan selama ini.

ABSTRAK

PROEditing merupakan sebuah aplikasi e-dagang yang membolehkan transaksi perkhidmatan dilakukan dalam persekitaran Internet. Sistem berasaskan web ini dibangunkan sebagai satu platform bagi entiti perniagaan dalam menjadikan internet sebagai medium pengurusan rantaian nilai pelanggan-perniagaan-pakar yang efisien. Dengan mengambil Unit Editorial, Penerbit UTM sebagai kajian kes, PROEditing Solution akan muncul sebagai sebuah perniagaan internet yang mempromosikan platform perkhidmatan penyuntingan secara atas talian. Menerusi PROEditing Solution, pengguna dapat menjimatkan masa dan tenaga dengan perkhidmatan yang disediakan. Sistem ini dibangunkan menggunakan metodologi *phase development based methodology* daripada kategori *Rapid Application Development* di samping penggunaan teknologi Pretext Hyper Processor (PHP) dan pangkalan data MySQL. Dengan wujudnya sistem ini entiti perniagaan mempunyai penyelesaian yang menyeluruh untuk aplikasi e-dagang yang lebih baik mencakupi aspek perniagaan dan teknikal.

ABSTRACT

PROEditing Solution is an e-commerce application that enables service transaction to be done through the Internet. The web-based system is developed for business entity to take advantage of internet as a medium of efficient value chain management between customer, business and expertise. With Penerbit UTM as the case study, PROEditing Solution will emerge as a one-stop-center that promotes online proofreading and copyediting services. By using this service users can shorten their time and get the service more easily. The system was developed using Rapid Application Development methodology based on phase development, including Pretext Hyper Processor (PHP) technology and MySQL as database. The existent of PROEditing Solution offers a web based platform for publishers, editors, writers to cover business needs and technical aspect.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKASURAT
	PENGHARGAAN	i
	ABSTRAK	ii
	ABSTRACT	iii
	KANDUNGAN	iv
	SENARAI JADUAL	vii
	SENARAI RAJAH	viii
	SENARAI ISTILAH	ix
	SENARAI LAMPIRAN	x
BAB 1	Pengenalan	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Penyataan Masalah	3
	1.4 Objektif Projek	5
	1.5 Skop Projek	6
	1.6 Kepentingan Projek	7
	1.7 Ringkasan	7
BAB 2	KAJIAN LITERATUR	8
	2.1 Pengenalan	8
	2.2 Outsourcing	9

2.2.1	Segmen perniagaan yang menggunakan outsourcing	10
2.2.2	Kelebihan outsourcing	11
2.3	E-dagang	14
2.3.1	Tahap-tahap e-dagang	15
2.3.2	Infrastruktur e-dagang	19
2.3.2.1	Internet	19
2.3.2.2	<i>World Wide Web (WWW)</i>	21
2.3.3	Isu-isu e-dagang	22
2.3.4	Perkhidmatan pelanggan	25
2.3.5	Kaedah pembayaran dalam e-dagang	32
2.4	Rantaian nilai (<i>Value Chain</i>)	34
2.5	Ringkasan	35
BAB 3	METODOLOGI	36
3.1	Pengenalan	36
3.2	Pemilihan Metodologi	36
3.2.1	Rapid Application Development (RAD)	37
3.2.1.1	Justifikasi pemilihan metodologi berasaskan fasa	41
3.2.1.2	Fasa pembangunan projek	43
3.2.2	Analisis dan rekabentuk sistem berorientasikan objek	45
3.3	Kaedah Kajian	46
3.4	Penjadualan Projek	48
3.5	Ringkasan	48

BAB 4 ANALISIS DAN REKABENTUK 49

4.1	Pengenalan	49
4.1.1	Latar belakang organisasi	49
4.1.2	Fungsi dan bentuk perniagaan utama	50
4.1.3	Sistem sedia ada	51
4.1.4	Pernyataan masalah dalam konteks organisasi	51
4.2	Rekabentuk sistem	54
4.2.1	Proses pemodelan data sistem semasa	54
4.2.1.1	Rajah aktiviti	54
4.2.1.2	Rajah use case	56
4.2.1.3	Rajah jujukan	58
4.2.2	Keperluan pengguna	59
4.2.3	Proses pemodelan data sistem cadangan	60
4.2.3.1	Rajah aktiviti	60
4.2.3.2	Rajah use case	61
4.2.3.3	Rajah jujukan	66
4.2.4	Senibina sistem cadangann	67
4.2.5	Rekabentuk program	68
4.3	Ringkasan	72

BAB 5 RANCANGAN PERNIAGAAN

5.1	Ringkasan Eksekutif	73
5.2	Pengurusan dan Organisasi	75
5.2.1	Latar Belakang Organisasi	75
5.2.2	Maklumat Syarikat	76
5.2.3	Pengurusan Syarikat	78
5.2.4	Pengalaman dan Pengurusan Syarikat	79

5.2.5	Objektif Perniagaan	80
5.2.6	Pendorong Perniagaan	80
5.2.7	Faktor Kritikal Kejayaan	81
5.2.8	Strategi Perniagaan	81
5.2.9	Rancangan Skop Perniagaan	82
5.2.10	Tanggungjawab Perniagaan	82
5.2.11	Senarai Perkhidmatan	82
5.2.12	Senarai Pelanggan, rakan niaga dan projek	83
5.3	Produk	84
5.3.1	Pengenalan Produk	84
5.3.2	Komponen PROEditing Solution	87
5.3.2.1	Modul Pesanan	87
5.3.2.2	Modul Pembayaran	87
5.4	Analisa Pasaran	88
5.4.1	Situasi Pasaran	89
5.4.2	Tren Pasaran	89
5.4.3	Pasaran Global	90
5.5	Sasaran Pasaran	91
5.6	Rancangan Kewangan	93
5.6.1	Modal Pembiayaan Kos Projek	93
5.6.2	Penyata Aliran Tunai	94
5.6.2.2	Sebelum Pembiayaan	94
5.6.2.3	Selepas Pembiayaan	95
5.6.3	Penyata Untung Rugi	96
5.6.4	Penyata Kunci Kira-kira	97
5.7	Persaingan	98
5.8	Pelan dan Strategi Pemasaran	99
5.8	Penilaian Risiko	104
5.9	Pelan Jangka Panjang	105
5.10	Ringkasan	106

BAB 6 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

6.1	Pengenalan	107
6.2	Hasil dan sumbagan kajian	108
6.3	Kelebihan	109
6.4	Kekangan dan cabaran	110
6.5	Ringkasan	111

RUJUKAN		112
----------------	--	-----

SENARAI JADUAL

NO JADUAL	TAJUK	MUKASURAT
2.1	6 Tahap Pembangunan E-dagang menurut Marchak (2000).	16
3.1	Kriteria pemilihan metodologi (Dennis et. al 2005)	42
5.1	Pengalaman Pasukan pengurusan	79
5.2	Analisa Persaingan Umum	98

SENARAI RAJAH

NO RAJAH	TAJUK	MUKASURAT
2.1	Faktor pendorong <i>outsourcing</i>	10
2.2	Value Chain: Dari Konsep kepada Pelanggan	34
3.1	Metodologi Pembangunan Berasaskan Fasa (Dennis et. Al 2005)	38
3.2	Metodologi Berasaskan Prototaip (Dennis et. al (2005)	39
3.3	Metodologi Pembuangan Prototaip (Dennis et. al 2005)	40
4.1	Rajah Use Case bagi sistem semasa	56
4.2	Rajah Use Case bagi sistem cadangan	61
4.3	Modul Pembangunan Sistem PROEditing Solution	68
5.1	Sijil Pendaftaran Syarikat	77
5.2	Senarai Kakitangan Pengurusan	78
5.3	Pecahan pasaran domestik untuk khidmat penyuntingan	91
5.4	Analisis SWOT	104

SENARAI ISTILAH

B2B	-	<i>Business-To- Business</i>
B2C	-	<i>Business-To-Consumers</i>
FTP	-	<i>File Transfer Protocol</i>
IS	-	<i>Information System</i>
IT	-	<i>Information Technology</i>
HTML	-	<i>HyperText Markup Language</i>
HTTP	-	<i>HyperText Transport Protocol</i>
SNS	-	Smart Networking Solution
TCP	-	Protokol Kawalan Pemindahan (<i>Transmission Control Protocol</i>)
UTM	-	Universiti Teknologi Malaysia
WWW	-	<i>World Wide Web</i>

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKASURAT
A	Carta Gantt Projek II.	113
B1	Gambarajah Aktiviti Bagi Use Case Buat Pesanan (Sistem Semasa)	114
B2	Gambarajah Aktiviti Bagi Use Case Urus Pesanan (Sistem Semasa)	114
C1	Gambarajah Jujukan Bagi Use Case Buat Pesanan (Sistem Semasa)	115
D1	Gambarajah Aktiviti Bagi Use Case Buat Pesanan (Sistem Cadangan)	116
E1	Gambarajah Jujukan Bagi Use Case Pilih Jenis Draf (Sistem Cadangan)	117
E2	Gambarajah Jujukan Bagi Use Case Papar Memo Serahan (Sistem Cadangan)	118
E3	Gambarajah Jujukan Bagi Use Case Buat Akaun Baru (Sistem Cadangan)	119
E4	Gambarajah Jujukan Bagi Use Case Buat Tempahan (Sistem Cadangan)	120
E5	Gambarajah Jujukan Bagi Use Case Ambil Pesanan (Sistem Cadangan)	121

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Pembangunan PROEditing Solution merupakan satu aplikasi yang direkabentuk berdasarkan kajian *outsourcing* (pengkontrakan luar) dalam aplikasi perdagangan elektronik. *Outsourcing* melibatkan beberapa pemindahan yang signifikan terhadap kawalan pengurusan dan pembuatan keputusan kepada pembekal luar. PROEditing Solution diwujudkan untuk melihat bagaimana sebuah entiti penerbitan buku boleh memindahkan proses penyuntingan dan proses atur huruf serta pruf kepada pakar di luar organisasinya secara atas talian.

Unit Editorial Penerbit UTM merupakan kajian kes pembangunan PROEditing Solution kerana kedua-dua proses yang disebutkan tadi telah sedia dilakukan secara *outsourcing* menggunakan kaedah manual. Mekanisma sedia ada akan dianalisa untuk melihat apakah elemen-elemen baru yang perlu diwujudkan untuk memastikan matlamat dan objektif *outsourcing* benar-benar tercapai. *Outsourcing* merupakan satu keputusan perniagaan yang selalunya dibuat untuk mengurangkan kos operasi dengan mengalakan fokus sebenar perniagaan kepada bidang kepakarannya sahaja. Lazimnya, ia melibatkan persetujuan bersama dalam pertukaran maklumat dua hala, ko-ordinasi dan kepercayaan.

Berdasarkan kajian yang telah dibuat, sekiranya *outsourcing* tidak digunakan, Unit Editorial merupakan pusat kos bagi Penerbit UTM sebelum sesebuah karya dapat diterbitkan. PROEditing Solution yang bakal dibangunkan merupakan tambah nilai bagi pengurusan strategik IS/IT Unit Editorial Penerbit UTM. Sistem ini dijangka dapat membantu Unit Editorial meluaskan lagi pasaran bukan sahaja di dalam lingkungan UTM, malahan juga di luar kawasan UTM. Sistem yang berkonsepkan secara atas talian ini membolehkan Unit Editorial Penerbit UTM menjadikan PROEditing Solution sebagai sistem *outsourcing* yang memudahkannya membuat capaian terhadap maklumat penyuntingan di samping dapat menyalurkan pesanan dengan sistematik.

1.2 Latar Belakang Masalah

Salah satu fenomena yang penting dalam perkhidmatan elektronik pada masa kini adalah pengurusan *outsourcing* yang cekap dan boleh dipercayai. Transaksi yang berlaku dalam evolusi e-dagang hanya boleh berlaku dengan adanya sistem yang boleh diyakini dan memberi respon yang profesional. Dengan kewujudan *outsourcing*, pengguna akan membina satu tanggapan tertentu terhadap kredibiliti perniagaan. Perkhidmatan elektronik dalam persekitaran e-dagang perlu tampil dengan satu imej di mana pengguna tidak perlu mengetahui bahawa pesanan yang dibuat telah dikontrak keluar. Sebaliknya kepuasan pelanggan diyakinkan dengan perkhidmatan berkualiti di bawah persetujuan antara perniagaan dengan pihak yang menerima kerja-kerja *outsourcing*.

Pada langkah pertama pelanggan membuat keputusan untuk membuat pesanan mendapatkan perkhidmatan penyuntingan dan atur huruf, secara peribadi mereka tidak mahu orang lain mengetahui hasil karyanya telah disunting oleh pihak ketiga. Demikian halnya pihak yang menerima pesanan iaitu PROEditing Solution, tidak akan mendedahkan pihak yang menyunting kepada pelanggan. Walau bagaimanapun, untuk memastikan kepuasan pelanggan dan mengekalkan mutu perkhidmatan berkualiti, pengurusan khidmat pelanggan akan turut dimuatkan di dalam sistem PROEditing Solution.

1.3 Pernyataan Masalah

Berdasarkan latar belakang masalah, terdapat beberapa persoalan yang timbul yang perlu diberi penekanan. Persoalan utama yang harus dititikberatkan adalah seperti berikut:

1. Apakah aplikasi yang dapat dibangunkan supaya penyunting dan pengguna dapat berhubung dalam penawaran dan permintaan khidmat penyunting?

2. Adakah sistem yang akan dibangunkan mampu menyuaipadankan penyunting dengan tempahan penyuntingan yang dilakukan oleh pengguna.?
3. Bagaimana penawaran perkhidmatan penyuntingan oleh penyunting kepada pengguna yang memerlukan perkhidmatan penyuntingan dapat dilakukan?.

1.4 Objektif Projek

Antara objektif pembangunan sistem ini adalah seperti berikut:

1. Membangunkan aplikasi perkhidmatan atas talian bagi penyunting dengan menawarkan perkhidmatan penyuntingan.
2. Menawarkan suatu sistem yang berkemampuan menyuaipadankan penyunting dengan tempahan penyuntingan yang dilakukan oleh pengguna.
3. Menyediakan suatu platform penawaran perkhidmatan penyuntingan oleh penyunting kepada pengguna yang memerlukan perkhidmatan penyuntingan.

1.5 Skop Projek

1. Skop kajian bagi aplikasi yang akan dibangunkan adalah tertumpu kepada perkhidmatan atas talian yang melibatkan hubungan di antara perniagaan dengan pelanggan, B2C(Business to Customers).
2. Kajian kes tertumpu kepada pembangunan aplikasi perkhidmatan elektronik untuk pengguna yang memfokuskan operasi penawaran khidmat penerbitan bahan-bahan ilmiah di pelbagai peringkat.
3. Pengguna sasaran bagi aplikasi yang akan dibangunkan ini secara khususnya untuk penulis karya ilmiah di kalangan penuntut sarjana, para penyelidik dan juga pensyarah universiti.

1.6 Kepentingan projek

Sistem perkhidmatan elektronik yang akan dibangunkan diharapkan dapat memberi kebaikan terhadap pengurusan perniagaan Penerbit UTM. Dengan adanya sistem ini, mampu menyalurkan kerja-kerja *outsourcing* dengan lebih berkesan di samping memperluaskan lagi pasaran bukan sahaja di dalam lingkungan UTM, malahan pengguna-pengguna yang berada di luar UTM juga boleh mencapai dan menggunakan sistem ini. Di samping pembangunan sistem di akhir projek ini, sebuah model berasaskan perkhidmatan atas talian akan dihasilkan. Model ini berfungsi sebagai panduan untuk pembangunan aplikasi-aplikasi yang melibatkan penyaluran tugas *outsourcing* menggunakan perkhidmatan elektronik untuk meningkatkan kebolegunaan (*usability*) di kalangan pengguna,

1.7 Ringkasan

Secara keseluruhannya, bab ini memberi gambaran awal tentang projek yang akan dibangunkan. Ianya merangkumi latar belakang masalah yang dikaji, iaitu kepentingan penulisan yang bermutu dalam penghasilan tesis dan kertas penyelidikan. Objektif projek menerangkan tentang matlamat yang ingin dicapai semasa pembangunan projek. Sudah pasti setiap projek yang akan dibangunkan adalah berdasarkan permasalahan yang timbul sebagaimana dihuraikan dalam latar belakang masalah. Pernyataan masalah yang timbul perlu diselesaikan agar dapat membuktikan bahawa objektif yang ditetapkan dapat dicapai berpandukan skop yang telah ditetapkan. Akhir sekali, kepentingan projek dikenalpasti agar dapat memberi nilai terhadap pengguna dan organisasi terlibat.